

Soal pemberian kerusi tak timbul di Wilayah

UM 10 MAR 1988

KUALA LUMPUR 9 Mac — Parti - parti komponen Barisan Nasional Wilayah Persekutuan tidak menimbulkan soal pemberian kerusi Parlimen kerana adanya persefahaman antara satu dengan yang lain, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau yang dikerumuni oleh para pemberita selepas mengadakan perbincangan tertutup selama hampir satu jam dengan pemimpin - pemimpin BN Wilayah Persekutuan berkata "kami tak cakap benda-benda itu semua," apabila ditanya sama ada soal pemberian kerusi Parlimen turut dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Perdana Menteri berka-

ta, terdapat persefahaman antara parti - parti komponen BN di Wilayah Persekutuan dan soal mendesak diperuntukkan kerusi Parlimen kepada parti masing - masing tidak timbul.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang menjawab soalan para pemberita sambil menuju ke kerctanya menambah, perbincangan tertutup hanya menyentuh soal Barisan Nasional sahaja.

Ketika ditanya sama ada tarikh pilihanraya telah disebut dalam perbincangan berkenaan, beliau menyatakan tarikh pilihanraya umum belum ditentukan lagi.

Lebih 30 pemimpin Barisan Nasional Wilayah Persekutuan hadir dalam mesyuarat tertutup itu ter-

masuk Naib Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba, Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam, Ketua Pemuda MCA, Senator Kee Yong Wee, wakil Parti Gerakan, Berjasa dan Parti Progresif Rakyat.

Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shafirir Samad dan ketua-ketua UMNO, MIC, MCA dan parti - parti komponen BN daripada tujuh kawasan Parlimen Wilayah persekutuan.

Sementara itu jurucakap UMNO berkata, perbincangan tersebut berkisar kepada masalah - masalah yang dihadapi oleh pemimpin - pemimpin BN di Wilayah Persekutuan.